

601:
MAHATHIR-UMNO

1976

298

IPOH, 18 JUN (BERNAMA)— TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU ANGGOTA-ANGGOTA UMNO JANGANLAH SANGGUP MENGENEPIKAN TANGGUNGJAWAB SEMATA-MATA KERANA HENDAK POPULAR.

KATANYA, MEREKA HENDAKLAH MENJELASKAN KEPADA RAKYAT MENGAPA LAIN PERKARA DIBERI KEUTAMAAN DARI KEPERLUAN KAWASAN MEREKA WALAUPUN INI MUNGKIN MEMBUAT MEREKA TIDAK POPULAR.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERTEMUANNYA DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN BAHAGIAN UMNO DI SINI.

KATANYA, SEBAGAI SEBUAH PARTI NASIONAL, UMNO MESTILAH BERTANGGUNGJAWAB DAN TIDAK BOLEH MENGIKUT SAHAJA KEHENDAK RAMAI.

DR. MAHATHIR BERKATA KONSEP KERAJAAN BERPARTI IALAH PRINSIP PARTI MENJADI GARISPANDUAN KEPADA KERAJAAN. --BERSAMBUNG 1905/1B

602:
MAHATHIR -UMNO 2 IPOH

+INI TIDAK BERERTI SETIAP AHLI UMNO ADA SUARA DALAM PENTADBIRAN KERAJAANDAN MENGHARAPKAN PERTIMBANGAN KHAS SEMATA-MATA KERANA IA SEORANG AHLI PARTI YANG MEMERENTAH.+

BERCAKAP MENGENAI KESELAMATAN, DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PASUKAN KESELAMATAN MALAYSIA SEBAGAI PASUKAN +ELIT+ DIAKUI OLEH ORANG LUAR SEBAGAI SALAH SATU YANG TERBAIK DI DUNIA.

BELIAU MENGGESA ORANGRAMAI JANGAN MELEMAHKAN SEMANGAT PEJUANG-PEJUANG INI DENGAN MENYERBARKANDESAS-DEUS MENGENAI PERISTIWA KESELAMATAN.

BELIAU JUGA MEMUJI ANGGOTA-ANGGOTA POLIS CAWANGAN KHAS ATAS KHIDMAT MEREKA YANG CEMERLANG. --BERNAMA 1907/1B